

KUASA PEMIKIRAN POSITIF

Bahagian akhir



Dr. Ali Qassem

www.aliqassem.com

Dalam rencana saya yang lepas, saya telah menyebut bahawa pemikiran positif mampu membawa anda ke tahap yang lebih tinggi, boleh menangani masalah dalam kehidupan, membuatkan mental dan fizikal sihat. Saya juga telah menyarankan 4 langkah yang patut diambil sebagai permulaan menjadi orang yang berfikiran positif.

Langkah-langkah yang disarankan adalah menghargai diri sendiri, hidup dengan bertujuan, menjangkakan yang terbaik dan fokus kepada perkara yang di bawah kawalan anda.

Langkah seterusnya adalah bergaul dengan orang yang berfikiran positif, yang mana mereka akan membantu, menyokong dan memberi galakkan kepada anda apabila anda berada dalam kesusahan. Sentiasa bersama dengan orang yang optimistik, yang tidak cepat mengalah, yang mempunyai pandangan jauh. Anda akan dapat belajar sesuatu daripada orang-orang yang begitu.

Jauhi dari orang yang selalu mengatakan anda tidak mampu buat itu dan ini, yang melemahkan semangat anda dan yang mematahkan keyakinan anda.

Rancangkan hari anda supaya masa digunakan dengan manfaat. Anda pasti pernah terdengar atau terbaca pepatah, “sesiapa yang gagal merancang, merancang untuk gagal.” Kita semua mempunyai masa yang sama sebanyak 24 jam dalam sehari. Namun, penggunaan dan pencapaian adalah tidak sama bagi semua orang.

Orang yang biasa akan memilih untuk menghabiskan masa 24 jam begitu sahaja tanpa membuat perancangan yang rapi. Ini akan menyebabkan mereka mencapai kurang daripada apa yang mereka mampu dan merendahkan keyakinan diri mereka. Ini juga akan mempengaruhi dan membawa kepada pemikiran negatif.

Orang yang luar biasa akan menggunakan masa 24 jam dengan berkesan; pencapaian mereka lebih banyak, berasa lebih gembira, meningkatkan keyakinan diri serta pemikiran positif.

Penetapan matlamat dalam hidup boleh menjadikan anda orang yang berfikiran positif dan mempunyai dorongan ke arah matlamat anda. Matlamat adalah panduan yang akan mendorong kita memilih jalan yang sesuai ke arah matlamat yang telah kita tetapkan.

Sekiranya anda sesat dalam hutan pada waktu malam, anda tidak tahu anda harus berjalan ke arah mana kerana keadaan yang gelap gelita. Anda akan berasa risau dan takut. Dengan itu, anda tidak akan berganjak dari tempat anda. Anda akan menunggu bantuan di tempat itu juga. Tetapi sekiranya anda ternampak cahaya (walau sekecil mana pun), anda akan berjalan ke arah cahaya itu. Matlamat anda adalah cahaya itu, yang akan mendorong anda terus berjalan.

Pemikiran positif bukan sahaja akan membuat anda bertambah baik, malahan akan menjadi panduan di kala anda menghadapi rintangan. Ia adalah benteng asas yang kukuh yang boleh mengubah hidup anda

Namun, pemikiran positif dan sikap positif tidak dapat menjamin pencapaian dan kejayaan. Pemikiran positif dan sikap positif seharusnya digabungkan dengan usaha, perasaan positif, tindakan positif, dan semua ini akan meningkatkan kemungkinan untuk berjaya.

Shiv Khera, seorang penceramah motivasi menyebut Mohammad Ali sebagai teladan.

Mohammad Ali, ahli tinju Amerika yang memenangi 3 kali *World Heavyweight Champion* adalah seorang yang sentiasa berfikir secara positif. Setiap kali sebelum dia memasuki arena pertandingan, dia akan berkali-kali melaung-laungkan "Saya yang paling hebat! Saya adalah juara!"

Dia tidak menjadi juara hanya dengan melaung-laungkan kata-kata semangat. Dia menjadi juara kerana latihan yang berpanjangan serta keyakinan diri beliau yang tinggi.

Fikirlah secara positif, fokus pada apa yang anda ingini, rancangkan hidup anda, tumpukan semua usaha ke atas pretasi tanggungjawab anda; nescaya anda akan mendapat pulangan hasil yang lumayan dalam hidup anda.